

FSR@S3 | SECOND EDITION  
**E-BULLETIN**  
OCTOBER 2024

FACULTY OF SPORTS SCIENCE AND RECREATION



In conjunction with student association



# Asas Pencarian Maklumat Dalam Merancang Pelancongan Secara D. I. Y.

Nurhidayah Nasharudin<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Kolej Pengajian, Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Kampus Rembau.

*“Rancang pelancongan anda dengan bijak, mulakan dengan maklumat yang tepat!”*

Maklumat adalah satu bentuk informasi atau pengetahuan yang mempunyai maksud serta makna yang memberi manfaat kepada individu, masyarakat dan organisasi. Secara umumnya, maklumat haruslah diperoleh daripada sumber-sumber yang sahih serta diakui kebenarannya. Sektor pelancongan pada hari ini dilihat memberikan kesan yang hebat kepada masyarakat khususnya generasi muda. Dengan kepesatan dan pembangunan teknologi maklumat pada

hari ini, golongan muda lebih cenderung untuk mengakses maklumat-maklumat berkaitan pelancongan melalui sumber-sumber digital seperti YouTube, Instagram, Facebook dan TikTok. Melalui platform ini, mereka dapat membuat persiapan awal termasuk kajian dan tinjauan sebelum memulakan perjalanan. Justeru, pelancongan secara Do It Yourself atau D.I.Y. adalah menjadi pilihan kepada bakal-bakal pengembara kerana maklumat mudah diakses, lebih ekonomi, bersifat santai serta



## Asas Pencarian Maklumat Dalam Merancang Pelancongan Secara D.I.Y


bebas merancang mengikut jadual dan keperluan setiap individu.

### Maklumat Destinasi

Antara tips utama dalam mengenal pasti titik tolak pencarian maklumat pelancongan yang betul adalah destinasi utama yang ingin dituju. Bakal pengembara disaran untuk mencari maklumat mengenai sesebuah destinasi menerusi laman sesawang atau website rasmi kementerian pelancongan negara tersebut dengan menggunakan domain .gov. Laman sesawang atau website rasmi biasanya menyediakan maklumat yang tepat, terkini dan boleh dipercayai. Sebagai contoh, situasi semasa sesebuah negara seperti pergolakan dan konflik politik, bencana alam serta perubahan cuaca juga boleh diperolehi bagi membantu pengembara merancang perjalanan mereka.

### Pengesahan Kebenaran Ke Dalam / Luar Negara

Bagi penjawat awam atau pekerja dari sektor swasta, kebenaran ke luar negara, pemakluman kepada ketua jabatan serta pusat tanggungjawab diperlukan bagi kelulusan serta permohonan insuran atau melalui pejabat sumber manusia organisasi masing-masing.



Gambar 1: Contoh permohonan ke luar negara

### Insurans Pelancongan

Terdapat pelbagai syarikat insuran yang menawarkan pakej insuran yang bersesuaian dengan destinasi, masa serta bilangan ahli pengembara yang ingin mendapatkan perkhidmatan keselamatan ini. Pelbagai kemungkinan serta risiko boleh berlaku pada bila-bila masa. Oleh itu, perlindungan insuran bagi keselamatan diri, rawatan perubatan, perlindungan nyawa serta barang-barang berharga dibuat mengikut polisi insuran yang ingin dilindungi. Antara penyedia yang disenaraikan adalah seperti Etiqa TripCare 360, Allianz Travel Care, Z Travel Insurance dan lain-lain lagi.

### Jadual Pelancongan atau Itinerary


Bakal pengembara boleh mendapatkan pelbagai maklumat berkenaan destinasi yang ingin dituju termasuk jadual pelancongan atau itinerary melalui mana-mana platform media sosial. Antara sumber yang kerap dirujuk selain daripada laman sesawang atau website rasmi kementerian pelancongan sesebuah negara adalah seperti TripAdvisor, Backpackers Group Malaysia Facebook, Road to Japan Facebook, DIY Turkiye Facebook, Rarecation Youtube Channel dan lain-lain lagi.

### Penerbangan

Skyscanner merupakan satu platform yang fokus dalam menyediakan maklumat berkaitan jenis syarikat penerbangan termasuk harga yang ditawarkan mengikut destinasi pelancongan masing-masing. Platform ini turut membantu bakal pengembaran untuk membuat perbandingan dari segi harga dan pakej-pakej pelancongan lain oleh penyedia perkhidmatan. Setelah mengenal pasti

## Asas Pencarian Maklumat Dalam Merancang Pelancongan Secara D.I.Y

destinasi, masa serta harga tiket penerbangan yang bersesuaian, bakal pengembara dinasihatkan untuk membuat tempahan terus melalui laman rasmi syarikat penerbangan yang telah dipilih.



Gambar 2: Pencarian penerbangan

### *Pemakluman Kepada Kedutaan*

Semua pengembara dinasihatkan agar memaklumkan kehadiran dan keberadaan mereka di luar negara kepada Pejabat Kedutaan Malaysia di negara yang terlibat. Pengembara boleh melayari laman sesawang Kementerian Luar Negeri melalui pautan

<https://www.kln.gov.my/web/guest/malaysia-n-mission> untuk mengetahui senarai nombor panggilan ketika kecemasan serta alamat kedutaan Malaysia di sana.

### *Keselamatan*

Pemasangan Air-Tag atau tracker pada ahli keluarga serta bagasi ketika melancong dilihat dapat meningkatkan risiko keselamatan dan mengurangkan risiko kehilangan. Dengan teknologi ini, pengembara dapat memantau dan mengesan keberadaan barang-barang yang dipasangkan teknologi ini dengan selamat serta mengawal status lokasi terkini bagasi ketika melancong.



Gambar 3: Teknologi pengesanan

Kesimpulannya, maklumat berada di hujung jari. Oleh itu, ia harus dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. Rata-rata pengembara atau pelancong lebih gemar memilih percutian yang berbentuk santai dan mengutamakan keselesaan sendiri tanpa terikat dengan jadual perjalanan dan aktiviti yang padat. Pelancongan secara D.I.Y sebenarnya dapat memberikan lebih banyak kebaikan seperti perancangan yang lebih teliti dan teratur, perkongsian ilmu dan pengalaman termasuk tips and tricks dengan orang lain dan yang paling penting mengurangkan risiko ditipu oleh syarikat atau agensi pelancongan dengan tawaran pakej yang mahal atau tidak wujud.

*\*Tips yang dikongsikan adalah berdasarkan pengalaman peribadi penulis ke beberapa destinasi seperti Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand, Vietnam, Jepun, Dubai, Arab Saudi, Turkiye dan lain-lain destinasi dalam dan luar negara.*

### Rujukan

- [1] H. Lee & C. H. Chen. The Impact of Social Media on Travel Decision-Making: A Systematic Review. *Journal of Travel Research*, 62(1), 123-142. 2023.
- [2] D. Buhalis. The Future of Travel: Trends and Challenges in Tourism. *Tourism Management*, 68, 32-48. 2018.
- [3] T. P. Novak & K. D. Hoffman. Understanding the Information Search Process of the Modern Traveler. *Journal of Travel Research*, 48(3), 281-295. 2010.
- [4] A. Pizam & Y. Mansfeld. *Consumer Behavior in Tourism*. Routledge. 2005.

## Asas Pencarian Maklumat Dalam Merancang Pelancongan Secara D.I.Y

- [5] X. L. Lehto & J. R. Ritchie. Towards a Sustainable Tourism Development: The Case of Finland. *Journal of Sustainable Tourism*, 11(1), 1-19. 2003.